

01/03/2004

Cabaran bagi pemimpin lama memudahkan tugas Pak Lah

Kalimullah Hassan

ISU rumit pengagihan kerusi Barisan Nasional (BN) sudah selesai. Hanya tinggal beberapa hari lagi Pengerusi BN dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membuat keputusan membubarkan Parlimen bagi membolehkan pilihan raya umum diadakan - lapan bulan lebih awal daripada tempoh pemerintahan sedia ada.

Untuk beberapa hari yang akan datang, isunya adalah untuk memilih calon, mengetepikan pelobi dan menyejukkan hati 'warlords' yang mungkin tidak mendapat apa yang mereka hajati.

Dua hari diperlukan untuk menyelesaikan pembahagian 219 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di kalangan 14 parti komponen BN.

Bukanlah sesuatu yang mudah untuk memenuhi kehendak bukan saja presiden 14 parti yang mempunyai pendirian tegas, tetapi juga majlis tertinggi dan jutaan ahli mereka yang sukar beralah.

Tetapi sebagaimana lazimnya dalam setiap pilihan raya, parti-parti komponen BN tidak semestinya mendapat segala yang diminta dan tidak semua parti berpuas hati 100 peratus.

Tugas presiden parti komponen adalah untuk meminimumkan perasaan tidak puas hati di kalangan akar umbi dan memastikan semua ahli bekerja untuk kemenangan parti-parti gabungan BN.

Sementara parti-parti pembangkang - hanya tiga: Pas, Keadilan dan DAP - yang berbulan-bulan bertungkus lumus untuk menyelesaikan isu pembahagian kerusi dan masih belum selesai, kejayaan BN dalam menguruskan pembahagian kerusi di kalangan parti yang lebih banyak bilangannya adalah faktor asas yang memastikan parti itu terus kekal sejak merdeka.

Semangat tolak ansur, kompromi dan kesepakatan terus menjadi aset terkuat BN. Juga kali ini, hampir semua parti bertolak ansur demi kepentingan parti-parti gabungan dalam semangat perkongsian kuasa.

Umno, sebagai parti komponen dominan, boleh mengambil semua 22 daripada 25 kerusi baru Parlimen yang majoriti pengundinya adalah Melayu. Sebaliknya, ia hanya mengambil 10. Malah, ia menyerahkan kawasan kubu kuat yang sudah lama dipegang, kawasan Parlimen Bukit Gantang di Perak kepada Parti Progresif Rakyat (PPP) untuk memastikan tiada seorang pun kecewa.

Sebagai contoh, Parti Bersatu Sabah (PBS), mahukan 21 kerusi DUN di Sabah dengan menjangka untuk mendapat 17 yang dimenangi pada pilihan raya negeri 1999. Ia menerima agihan 13 kerusi DUN dan sebagai ganti diberi lebih kawasan Parlimen.

Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Bersatu (Upko), yang pada 1999 memenangi hanya dua kerusi DUN, diberikan enam kerusi walaupun presidennya, Tan Sri Bernard Dompok tewas ketika masih memegang jawatan Ketua Menteri.

MCA pula sebagai contoh, memberikan kerusi Yong Peng kepada Umno, dan sebagai ganti diperuntukkan kerusi Wangsa Maju di Wilayah Persekutuan, yang sekarang ini dipegang oleh Umno.

MCA, MIC, Gerakan dan parti-parti komponen yang lain di Sabah dan Sarawak, juga meletakkan harapan tinggi seperti juga Umno tetapi dalam setiap kes, mereka berkompromi dan tidak mungkin semuanya gembira sepenuhnya, tetapi tetap berpuas hati.

Untuk memenuhi kehendak semua anggota adalah sukar tetapi ia akan dilakukan. Ia mungkin lebih mudah daripada pilihan raya yang lalu kerana banyak yang diperkatakan mengenai faktor 'rasa ceria' yang wujud sekarang

dan memihak kepada BN.

Tetapi seperti mana yang diketahui oleh pemimpin BN, memenuhi kehendak dan jangkaan orang ramai adalah lebih mudah daripada menguruskan kehendak individu. Dan seperti mana dalam setiap pilihan raya, ujian tetap akan diharungi bagi setiap parti komponen.

Pemilihan calon sudah bermula. Kriteria calon yang ditentukan Abdullah adalah mereka mesti mampu menghadapi ujian pengundi, berupaya berkhidmat dan mempunyai rekod yang baik.

Beliau berkata, 'warlord' bukanlah kriteria dalam memilih calon.

Tambahan pula, dengan mengambil kira hasrat pemimpin BN untuk membentuk pemimpin generasi akan datang, dan berdasarkan fakta bahawa 60 peratus daripada penduduk negara ini adalah belia, maka sudah tentu akan terdapat ramai calon muda.

Kewujudan 26 kawasan baru Parlimen (termasuk Putrajaya, sebelum persempadanan semula kawasan pilihan raya) dan 63 kerusi DUN memberi ruang untuk menempatkan mereka, dan pada masa yang sama, ada beberapa pemimpin yang lebih berusia - dan mungkin beberapa orang yang lebih muda tetapi gagal memberikan khidmat yang baik - perlu memberi laluan kepada orang lain.

Akan ada campuran muka lama, tidak berapa lama dan muka baru. Tetapi, masalah wujud di kalangan mereka yang tidak menyedari tempoh mereka sudah berakhir dan sebahagian mereka juga yang berkhidmat beberapa penggal tetapi masih terus mahu bertanding.

Tiba-tiba, kita mendengar mereka mengumumkan masih sihat, masih mampu bersenam atau boleh berenang 20 pusingan di kolam renang, bahawa mereka masih boleh dan mahu berkhidmat.

Ia adalah budaya rakyat Malaysia hinggakan Perdana Menteri dan presiden parti sukar untuk mengatakan tidak kepada mereka yang sudah memberikan khidmat pada masa lalu. Mereka serba salah antara mahu menghormati golongan tua atau mengetengahkan generasi muda untuk masa depan negara.

Terdapat pengajaran daripada pilihan raya 1999 sewaktu semua petanda menunjukkan bahawa Menteri Besar Terengganu ketika itu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dilihat sudah terlalu lama, 25 tahun menerajui negeri itu tetapi masih dibenarkan bertanding selepas merayu. Ini menyebabkan pengundi berasa tidak puas hati seterusnya menjadi punca kepada kekalahan BN di tangan Pas di Terengganu selepas 38 tahun mentadbir negeri itu.

Mungkin satu lagi contoh ialah DAP. Setiausaha agungnya, Lim Kit Siang telah menguasai parti itu sejak pertengahan tahun 1960-an, dan menjadi Ahli Parlimen pada 1969. Karpal Singh juga mula aktif pada masa yang hampir sama dan menjadi wakil rakyat pada 1974. Kedua-dua mereka adalah bak kata perumpamaan seperti berlindung di bawah pokok banyan, segala di bawahnya tidak akan tumbuh kerana tidak dapat sinaran matahari.

Dalam beberapa tahun selepas itu, antara lain pemimpin seperti Fan Yew Teng, Goh Hock Guan, Lee Lam Thye, Sim Kwang Yang dan Wee Choo Keong tersingkir dan terkeluar daripada arus politik.

Hari ini, berdasarkan nama, Kit Siang, Karpal, Lim Guan Eng (anak Kit Siang), Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock dan Dr Tan Seng Giaw adalah beberapa orang yang dikenali oleh pengundi.

Di bawah bayangan Kit Siang, tidak ramai daripada pemimpin mudanya berupaya memberikan impak, membuatkan DAP hilang potensi sebagai parti pembangkang. Malah pada ketika BN menghadapi masalah pada 1999, kedua-dua Kit Siang dan Karpal tewas di kawasan DUN dan Parlimen yang mereka tandangi di Pulau Pinang.

Kini, mereka berkemungkinan besar bertanding lagi, mungkin di kerusi DUN yang lain pula. Dan mereka mungkin melakukannya semata-mata untuk memastikan DAP terus hidup. Ini kerana tanpa Lim Kit Siang dan Karpal Singh, identiti DAP sebagai parti pembangkang tidak kuat.

Dalam hubungan ini, Pas bertindak lebih baik, dengan mengasuh dan meletakkan pemimpin lebih muda dan golongan profesional antaranya Hussam Musa, Syed Azman Syed Ahmad, Takiyuddin Hassan dan Nasharuddin Mat Isa.

Golongan veteran dalam Pas, seperti Hassan Shukri dan Subky Latiff, bersedia memainkan peranan lebih kecil dan terus membantu parti.

Contoh terbaik yang pemimpin BN boleh merujuk ialah tindakan kalangan pemimpin mereka terdahulu iaitu Allahyarham Tun Hussein Onn dan baru-baru ini bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Kedua-dua mereka berundur ketika berada pada kemuncak pemerintahan.

Ketika Tun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, beliau membawa masuk ramai anggota Umno yang muda dan berpotensi memegang jawatan kanan dalam kerajaan.

Abdullah Badawi adalah seorang daripada mereka, seperti ramai anggota Kabinet dan kerajaan sekarang, sama ada di peringkat negeri atau persekutuan.

Pada pilihan raya kali ini, Abdullah akan membawa masuk beberapa muka baru untuk diadun dengan mereka yang berpengalaman yang akan dikekalkan. Cabarannya bukanlah sama ada orang ramai menerima muka baru ini.

Cabarannya adalah bagi pemimpin lama yang sudah berkhidmat dengan jujur dan dedikasi, untuk menyedari bahawa mereka perlu memudahkan tugas Perdana Menteri dan parti, dengan membantu beliau membentuk golongan muda untuk memainkan peranan lebih penting.

Mereka, hanya boleh melaksanakan demikian jika menyedari hakikat kekurangan diri sendiri dan menerima realiti bahawa mereka bukan manusia untuk sepanjang musim. Tidak ramai di kalangan kita di dunia ini yang lahir dengan keistimewaan ini.